

<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/uthm-black-owl-komited-bangkit-tewaskan-lawan-168427>

UTHM Black Owl komited bangkit tewaskan lawan

17 Februari 2018



Pencapaian ini merupakan permulaan yang baik untuk melebarkan sayap dalam mengalahkan lawan - Foto AWANI Rangers UTHM

BATU PAHAT: Pasukan ragbi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) atau lebih dikenali dengan 'Black Owl' mempamerkan prestasi yang memberangsangkan apabila pasukan berstatus 'underdog' itu berjaya menempatikandirike Separuh Akhir Bowl Ragbi 7 sebelah bagi Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) yang melabuhkan tirai pada 10 Februari yang lalu.

Pasukan Black Owl yang terdiri daripada 12 mahasiswa dari bidang Pengajian Kejuruteraan dan Teknikal di UTHM itu giat menjalankan persiapan fizikal dan taktikal sejak bulan November tahun lalu.

Pelbagai siri pemilihan dijalankan oleh pihak pengurusan pasukan dan menjadikan beberapa kejohanan terbuka sebagai platform pemilihan ahli pasukan yang berkecayaan.

Menurut pembantu jurulatih, Hidayat Zahari, pencapaian bagikejohanan Ragbi 7 sebelah SUKIPT tahun ini merupakan permulaan yang positif bagi pasukan itu untuk terus melebarkan sayapnya menewaskan lawan.

"Permulaan yang amat baik bagi pasukan ini apabila berjaya tampil agresif pada awal kejohan dan dengan menjuarai kumpulan dengan menundukkan Universiti Tun Abdul Razak dan City Universiti sekaligus berjaya melayakkandirikesukuakhir untuk bertempus pasukan UiTM Lions.

"Walaupun tewas dengan UiTM Lions dan terkandas di Separuh Akhir Bowl, saya merasakan keputusan ini positif bagi pasukan yang baru dibentuk mendapat suntikan pendedahan daripada salah seorang jurulatih ragbi negara, Hamrizal Hamdan.

"Pembangunan dan pembentukan mahasiswa di UTHM dalam bidang sukan tidak dapat direalisasikan kerana sokongan dan bimbingan pihak pusatsukan selain pihak pengurusan tertinggi UTHM.

"Usaha ini harus diteruskan dalam membentuk mahasiswa yang holistik selaras dengan tagline 'UTHM Produces Professionals'," tambahnya lagi.

***Laporan ini disediakan oleh Awani Rangers, Mohd Zulfadli Rozali dan Nurul Adli Hisham Mohd Sohaimi dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Suntingan oleh Puan Suriyati Binti Baharom.**

****Awani Rangers ialah inisiatif Astro Awanibagimenggalakkan pelajar Institut Pengajian Tinggi untuk berkongsi cerita serta menghasilkan bahan berita dan informasi dalam era kewartawan moden.**

*****Awani Rangers UTHM ialah inisiatif kerjasama strategik Astro Awanidan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).**